KEMENTERIAN PERTANIAN
DAN INDUSTRI ASAS TANI MALAYSIA

# LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
## ISNIN , 21 MEI 2018

1. **BIODATA MENTERI KABINET, NASIONAL – SH, 10**
2. **HOPING THE GOVERNMENT TO SUPPORT VEGETABLE FARMERS, NATION – SIN CHEW DAILY, 8**
3. **KARNIVAL SUKAN BENDANG – UM ONLINE**

***UKKMOA***

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT**
**KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI**
**(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)**

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Hoping the government to support vegetable farmers | | |
| MediaTitle | Sin Chew Daily | | |
| Date | 21 May 2018 | Color | Full Color |
| Section | Nation | Circulation | 379,504 |
| Page No | 8 | Readership | 1,092,000 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 162 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 9,025 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 27,076 |



## 陳蘇潮：應與稻農漁民同待遇

# 促政府獎掖菜果農



陈苏潮：建议首相成立蔬果局，为菜农设立一个发展或补助机制

（古来20日讯）马来西亚菜农总会总会长陈苏潮促请新政府对待菜果农如同稻农和渔民一样，一视同仁，政府应重视及肯定菜果农对国家粮食生产所做出的贡献，应明文规定将菜果农列入粮食奖掖或援助金的受惠单位，减轻菜果农的负担

陈苏潮昨晚在古来县菜农联合会举办的第二十三届新届理事就职典礼暨颁发会员子女学业优异奖励金晚宴上致词

他指出，希盟的竞选宣言包含"保障基本粮食需求和农民福利"，他不确定其中所指的农民是否包括菜果农，毕竟在此之前菜果农从未享有与稻农、渔民同等待遇，可获得各项津贴和奖掖金

"菜农为了生存必须和进口蔬菜竞争，不断在前线牺牲生产收益，但却没有得到政府任何支援，令人无法理解。"

### 建议委华裔副农长

陈苏潮也建议首相委任一名华裔农业部副部长，并成立蔬果局，为菜农设立一个发展或补助机制，这不但有助于菜农与农业部沟通，在菜农面对困难时也能有一个明确的求助单位

他认为，华裔部长也可帮助菜农在内阁会议中下情上达，让农民在遇到问题时可以及时获得政府关注

"自菜农总会成立以来，我们不间断提呈备忘录给首相、农业部及相关部门，一再要求政府确保落实耕者有其地计划，但却不曾获得关注，至今国内还有60%菜农没有自己的农耕地。"

他说，在所有农业领域中，农业部都成立相关单位或设立相关机制给予应有的补助或支持，唯独菜农似乎是我国农业领域的"私生子"，至今没有一个合法身分或地位，导致菜农遇到困难时往往面对投诉无门困境

提及政府宣布6月1日起消费税将降至0%，他指出，这对小园主是好消息，可协助小园主减低生产成本

Powered by: isentia

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 21/5/2018 | UTUSAN MALAYSIA | ONLINE | |

# Karnival Sukan Bendang

Imbas kemeriahan masyarakat dahulu selepas musim menuai

**Ain Safre Bidin**

21 Mei 2018 3:00 AM



PERTANDINGAN bola jaring dalam sawah diadakan sempena Karnival Sukan Bendang di Kampung Parit 13A Sungai Manik, Pasir Salak, Perak baru-baru ini.

PASIR SALAK 20 Mei - Sungai Manik sememangnya dikenali sebagai antara kawasan tanaman padi utama di negeri ini sejak berpuluh-puluh tahun lalu.

Seiring dengan perubahan teknologi, termasuk dalam bidang pertanian, kaedah menanam padi juga sudah berubah.

Daripada menanam padi menggunakan kuku kambing kepada sistem tabur, daripada memotong padi menggunakan sabit kini padi dipotong menggunakan mesin.

Suasana di sawah juga sudah jauh berubah, daripada sebuah kawasan yang menjadi penduduk kampung untuk melakukan pelbagai aktiviti suatu ketika dahulu, kini sawah hanya tempat untuk menanam padi sahaja.

Dalam usaha mengembalikan nostalgia kegembiraan dan keriangan di kawasan sawah padi, Majlis Kebudayaan Negeri dengan kerjasama Jabatan Belia dan Sukan Daerah Hilir Perak menganjurkan Karnival Sukan Bendang di sini baru-baru ini.

Karnival yang diadakan di Kampung Parit 13A Sungai Manik dekat sini mengimbau semula kemeriahan masyarakat dahulu mengadakan pelbagai aktiviti selepas musim menuai.

Antara aktiviti yang diadakan pada karnival itu ialah tarik tali wanita, tangkap itik, pukul bantal dan panjat tiang licin dan bola jaring yang diadakan di dalam kawasan sawah.

Turut diadakan ialah pertandingan foto, pertandingan melukis kanak-kanak dan pertandingan memasak.

Kira-kira 400 orang hadir mengambil bahagian dan menyaksikan karnival tersebut yang terdiri daripada penduduk kampung dan orang luar.

Kehadiran mereka secara tidak langsung memberikan pendapatan tambahan kepada penduduk yang berniaga di gerai-gerai di kawasan karnival itu berlangsung.

Selain itu, aktiviti itu dapat menarik pengunjung luar untuk melihat keadaan sawah padi sambil menikmati pemandangan indah dan menghirup angin segar kawasan kampung.

Penganjuran karnival itu merupakan antara usaha untuk mempromosikan kawasan pertanian sebagai kawasan yang wajar dilawati pelancong.

Malah, penganjurannya membantu meningkatkan pendapatan pengusaha inap desa apabila penginapan itu di sini mendapat sambutan yang menggalakkan sebelum karnival itu berlangsung.

Bagi peserta yang mengambil bahagiah, hadiah kemenangan bukan matlamat utama menjayakan karnival itu tetapi mahu mengeratkan silaturahim dalam kalangan penduduk dan semangat kejiranan di antara kampung-kampung di Sungai Manik.